

Tidak sabar pulang ke kampung

TURUT berkongsi pengalaman, penuntut Universiti Malaysia Sarawak (Unimas), Nurul Athirah Noorizam berasal dari Tanah Merah, Kelantan.

Menurut Nurul Athirah, tahun ini dia berdepan dengan sedikit cabaran kerana melalui puasa buat pertama kali berjauhan dengan ibu bapa.

Mengakui dirinya bukan anak manja, tetapi air tangan ibu tetap menjadi dambaan lebih-lebih lagi masakan kegemaran terutama laksa penang, amat sukar ditemui di sekitar kediamannya.

"Alhamdulillah, saya lalui Ramadan kali ini dengan rakan-rakan dan berbuka puasa juga sekadar yang mampu di rumah sewa yang didiami 10 orang," katanya.

Menurutnya, perasaan rindu dengan negeri kelahiran usah dicerita, tetapi memandangkan komitmen sebagai penuntut Ijazah Pembangunan Sumber Manusia ini begitu tinggi, tetap diteruskan jua," katanya.

"Walaupun jurang Laut China Selatan memisahkan kami, namun ibu sentiasa bertanya khabar dan bantuan serta kerjasama daripada rakan-rakan juga menjadikan kami lebih bersemangat menjalani ibadah ini. Lagipun sekarang tengah berlangsung peperiksaan akhir.

"Sebagai pelajar semenanjung, cabaran sebegini tidak harus melemahkan semangat kami, lebih-lebih lagi, ia membabitkan masa depan dan sudah tiba masanya kami berdikari," katanya.

Pelajar tahun dua ini juga bersama-sama rakan memasak sepanjang Ramadan memandangkan agak susah untuk membeli makanan siap yang menepati cita rasa.

Pengalaman yang sama pernah dilalui ketika tinggal di asrama sewaktu belajar di sekolah menengah, namun masih boleh bermanja kerana ibunya sempat melawat, tapi kini mereka sepakat untuk memasak mengikut apa yang ada.



Ramadan disyukuri

Puasa di rantau orang uji ketahanan fizikal dan mental

Ketibaan Ramadan yang penuh barakah tidak menjadi penghalang untuk semua penuntut Muslim menjalankan kewajipan. Rukun Islam ketiga itu mampu disempurnakan sebaik mungkin walaupun berhadapan cabaran dan rintangan.

Pengalaman mereka menunjukkan kecekalan juga boleh dijadikan motivasi kepada golongan pelajar lain yang mungkin berminat mengikut jejak.

Ramai yang melahirkan rasa syukur kerana Ramadan yang dilalui begitu bermakna. Banyak maksud tersirat juga bertindak sebagai

nikmat untuk lebih menyukuri ujian ALLAH.

Kalangan penuntut juga sempat berkongsi panduan untuk adik-adik sebagai galakan melanjutkan pelajaran. Antara kata-kata semangat mereka adalah adik-adik tidak perlu risau.

Di luar negara ramai rakan Muslim dari pelbagai negara yang boleh bergaul, berbuka dan bertarawih bersama-sama. Segala kerinduan pasti terubat. Lagipun puasa di beberapa negara terpilih, sangat selesa, kerana tempohnya sekejap.

Ada juga berpendapat, berada di

perantauan merupakan satu rahmat dan juga ujian daripada ALLAH. Ia banyak memuhasabahkan diri dalam menghadapi cabaran mental dan fizikal ketika berada di tempat orang.

Memang tidak dinafikan, perasaan rindu terhadap keluarga sentiasa menebal setiap hari, lebih-lebih lagi ketika Ramadan dan menjelang Syawal.

Namun, ketika berjauhan inilah mengajar kita untuk lebih survival dan meneruskan kelangsungan hidup, terus berjuang untuk menyelesaikan amanah pengajian. Ikuti perkongsian pendapat mereka dalam *Isu Kampus* kali ini.

Tempoh puasa singkat

PASANGAN suami isteri, Maisarah Sulaman dan Wan Izuddin Wan Razali melalui puasa di perantauan lebih kurang dua tahun setengah yang lalu. Pasangan yang berasal dari Wakaf Bharu, Kelantan itu menyambung pengajian dalam bidang Nanophotonics di Macquarie University, Sydney, Australia yang dijangka tamat April 2016.

Menurut Maisarah, dia hanya menemani suami melanjutkan pengajian dan menjalani ibadah puasa di perantauan begitu berbeza kerana tempoh berpuasa yang singkat.

"Waktu siang singkat sahaja. Jadi tak terasa sangat berpuasa. Komuniti Islam tak ramai musalla menjadi tempat kebiasaan kami bertemu," katanya.

Menceritakan persiapan berbuka, Wan Izuddin berkata, mengikut kebiasaan, pada hari minggu, tiada persiapan, hanya berbuka di musalla.



Manakala hujung minggu, isteri masak ataupun penuhi jemputan rakan-rakan. Ujar Wan Izuddin, tiada menu wajib dikhaskan untuk berbuka kerana iftar di musalla biasanya menghidangkan makanan seperti kebab daging dan ayam, pide (makanan orang Turki). Dari segi solat tarawih pula dijalankan secara berjemaah di surau universiti.

Latih diri lebih berdikari

JUGA melahirkan rasa rindu dengan masakan ibu adalah penuntut tahun dua, pengajian syariah dari Universiti Sains Islam Malaysia (Usim), Nafsyiah Amina.

Menurutnya dalam tempoh empat tahun pengajian itu, dia sudah menghabiskan dua tahun berpuasa di perantauan.

"Ramadan kali ini saya lalui dengan beberapa cabaran kerana ia berlangsung ketika peperiksaan. Fokus untuk belajar dan konsentrasi sedikit terkesan kerana terpaksa menjalani rutin berbuka dan sahur di kolej yang hanya ditemani rakan-rakan," katanya.

Menurutnya, tahun ini juga banyak



Nafsyiah (dua, kiri) puji masakan tempatan.

mengajar dirinya lebih berdikari, kerana pada kelaziman, hidangan berbuka dan bersahur pasti di bawah tanggungjawab ibu dan pembantu rumah," katanya yang berasal dari Jawa, Indonesia.

"Bangun sahur juga diuruskan sendiri, menjadikan suasana hiba apabila mengenangkan menu yang dirindui nasi liwit, makanan tradisional Jawa," katanya.

Sungguhpun begitu, Nafsyiah cukup memuji masyarakat Malaysia yang begitu mengimarahkan masjid dan surau dengan solat tarawih dan majlis berbuka puasa.

"Di Indonesia, suasana makanan dan jual juadah berbuka tidak sehebat di sini, saya cukup suka dengan char kueyeteow, dan makanan ini tiada di Indonesia, sangat sedap sekali rasanya, lebih-lebih lagi digoreng dari tempat jualan.

"Kagum sungguh dengan apa yang ditunjukkan sesetengah penjual di sini, masak dari hati, proses masak, sedia dan terus dijual. Saya juga terpesona dengan roti canai juga dimasak begitu bersahaja di hadapan pelanggan," katanya.